

Literasi abad 21 Bahagian 5/6



Dr. Ali Qassem

www.aliqassem.com

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) mendefinisikan literasi sebagai, "Keupayaan untuk mengenalpasti, memahami, mentafsir, mencipta, menyampaikan, mengira dan menggunakan bahan-bahan bercetak dan bertulis yang dikaitkan dengan konteks yang berbeza-beza. Literasi melibatkan suatu pembelajaran berterusan yang membolehkan individu untuk mencapai matlamat mereka, untuk membangunkan pengetahuan dan potensi mereka, dan untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam masyarakat."

Literasi abad 21 termasuklah literasi asas, literasi saintifik, literasi ekonomi, literasi teknologi, literasi maklumat, literasi visual, literasi pelbagai budaya dan kesedaran global.

Ahli sosiologi dan ramai lagi mendefinisikan Literasi Ekonomi sebagai, "Keupayaan untuk mengenal pasti masalah ekonomi, alternatif yang ada, kos dan kebaikan-kebaikan seperti; menganalisis kebaikan insentif di tempat kerja, membuat pemeriksaan ke kesan-kesan perubahan dalam situasi ekonomi dan polisi awam, mengumpul dan menyusun bukti ekonomi dan membuat penjimatan kos yang membawa kepada keuntungan.

Mereka juga membuat kesimpulan bahawa manusia yang berperanan sebagai pengguna, pengeluar, pekerja, pelabur, memerlukan tahap literasi ekonomi yang akan dapat membantu mereka memahami dunia dengan lebih baik serta membuat keputusan yang lebih baik untuk masa depan.

Tambahan pula, isu-isu ekonomi secara langsung mempengaruhi dan memainkan peranan penting dalam pelaksanaan dasar kerana isu-isu ekonomi mempengaruhi pilihan pengundi. Pemahaman yang baik tentang isu-isu ekonomi, termasuk peranan perniagaan dalam masyarakat, membolehkan orang ramai untuk mengecam isu-isu yang memberi kesan kepada mereka setiap hari, membantu mereka menilai akibat membuat keputusan sendiri dan dasar awam.

Menurut Roger Backhouse yang merupakan seorang professor Sejarah dan Falsafah Ekonomi), Jacob De Rooy, penulis "Economic Literacy", "Seorang individu harus mempunyai tahap literasi ekonomi yang tinggi. Mereka patut boleh memahami konsep asas ekonomi dan menyedari punca-punca yang logik bahawa isu-isu ekonomi memberi kesan dalam kehidupan mereka sebagai seorang pekerja, pengguna dan rakyat."

Mereka juga perlu mengetahui fakta-fakta tentang ekonomi negara, termasuklah kadar pengangguran, inflasi dan kadar faedah.

International Technology Education Association (ITEA) menyatakan Literasi Teknologi adalah, "Pengetahuan tentang apa itu teknologi, bagaimana teknologi berfungsi, tujuan teknologi digunakan, penggunaan teknologi secara berkesan untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu."

Tiga dekad yang lalu, teknologi yang ada hanyalah saintis dan fiksyen sains. Hari ini, di mana sahaja kita memandang, kita dapat melihat produk baru, idea baru, ciptaan baru dan perkhidmatan baru. Ia adalah inovasi, rekaan kecanggihan teknologi, era mencipta dan era pembangunan yang pesat.

Kecanggihan teknologi hari ini dan penggunaan internet telah tersebar dengan begitu meluas sekali. Dengan itu, manusia hari ini seharusnya menguasai literasi teknologi untuk hidup di era baru, belajar dan bekerja dengan jayanya.

Banyak laporan menegaskan dan golongan yang bijaksana juga mengaku bahawa literasi teknologi merupakan komponen penting dalam menimbulkan kesedaran, kesediaan bekerja dan kemahiran untuk hidup. Dengan itu, seseorang individu bukan sahaja perlu cekap dalam penggunaan teknologi, mereka juga perlu dapat menggunakan kemahiran mereka dalam situasi-situasi yang praktikal.

Kebanyakan pakar bersetuju dan mencadangkan bahawa manusia perlu

mempunyai literasi teknologi. Mereka harus dapat menunjukkan kefahaman yang mendalam tentang konsep sistem teknologi dan melengkapi diri dalam sistem teknologi.

Mereka harus dapat menggunakan pelbagai alat teknologi dengan berkesan untuk meningkatkan kreativiti. Mereka juga perlu dapat menggunakan alat komunikasi untuk mendekati dunia dan menyampaikan idea-idea yang bernas lagi kukuh. Penguasaan literasi teknologi membolehkan seseorang itu dapat mengakses, menilai, memproses dan mensintesis maklumat daripada pelbagai sumber dan mengenal pasti serta menyelesaikan masalah.

Bersambung

Cadangan bacaan tambahan

National Science Education Standards, Washington, D.C.

Economic Literacy: What Everyone Needs to Know About Money & Markets. Jacob De Rooy

The Puzzle of Modern Economics: Science or Ideology? Roger Backhouse